



## Ahli politik wajar ambil berat titah nasihat Seri Paduka

[Datuk Prof Madya Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Husain](mailto:bhrencana@bh.com.my) - April 15, 2021 @ 10:45am  
[bhrencana@bh.com.my](mailto:bhrencana@bh.com.my)

Kira-kira dua minggu lepas, suhu politik negara kembali hangat hingga mencecah paras tertinggi dalam tempoh empat bulan ketika berlangsungnya Perhimpunan Agung UMNO (PAU) 2020.

Keputusan itu mendorong pertemuan tergepar sebahagian Menteri dan Timbalan Menteri daripada blok UMNO dengan Perdana Menteri. Keadaan kembali tenang dengan kenyataan Perdana Menteri, semua menteri daripada UMNO akan terus kekal dalam Kabinet

Sukar juga untuk dikatakan keadaan kembali tenang sepenuhnya apabila tular rakaman perbualan telefon yang mirip suara dua pemimpin utama UMNO dan PKR, tetapi dinafikan kesahihannya kedua-dua pemimpin terbabit.

Keadaan tegang itu bukan kali pertama dalam hubungan antara UMNO dengan BERSATU. Krisis lebih kritikal pernah berlaku rentetan dakwaan Datuk Seri Anwar Ibrahim mempunyai cukup sokongan melalui akuan bersumpah.

Kepemimpinan Muhyiddin benar-benar teruji ketika pembentangan Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan (Belanjawan) 2021. Sekiranya ia gagal, pengurusan kewangan negara bagi 2021 akan terencat dalam kegawatan ancaman penularan COVID-19.

Melihat keadaan begitu membimbangkan, atas sifat sebagai pemerintah tertinggi negara bertanggungjawab dan peka kepada keselamatan serta kesejahteraan rakyat, Yang di-Pertuan Agong berkenan menyampaikan nasihat kepada Ahli Parlimen melalui kenyataan media Istana Negara pada 28 Oktober tahun lalu.

Mereka diseru memberi sokongan padu kepada Belanjawan 2021 demi kesejahteraan dan kelangsungan hidup rakyat serta pemulihan ekonomi negara.

Berbalik situasi semasa, kes baharu setiap hari mencatat empat angka dengan 12 April lalu, kes baharu COVID-19 merekodkan 1,317 kes, sekali gus menjadikan jumlah terkumpul setakat hari itu ialah 362,173 kes.

Tidak hairanlah Yang di-Pertuan Agong dalam kenyataan media Istana Negara pada hari sama sempena menyambut kedatangan Ramadan, menasihati ahli politik untuk berganding bahu membasmi penularan COVID-19.

Baginda bertitah ahli politik perlu berperanan sebagai teladan menyatukan rakyat dan mengamalkan urus tadbir baik berpaksikan amalan bersih, beradab serta berintegriti. Fokus perlu diberikan untuk membantu rakyat amat terkesan akibat COVID-19 tanpa mengira perbezaan fahaman politik.

Baginda menyampaikan nasihat kepada kerajaan untuk mengutamakan agenda pemulihan ekonomi dan memerangi penularan COVID-19.

Keutamaan dalam tempoh darurat ini, diberikan kepada usaha melawan wabak itu dan tindakan afirmatif untuk memacu pemulihan ekonomi negara termasuk Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

Nasihat itu menunjukkan sikap berkecuali tidak menyokong mana-mana parti politik. Keutamaan baginda, kesejahteraan rakyat dan kepentingan negara menghadapi cabaran semasa.

Justeru, baginda menzahirkan jaminan kepada rakyat bahawa sistem pilihan raya berparlimen di bawah pemerintahan Raja Berperlembagaan mendukung prinsip keluhuran Perlembagaan Persekutuan akan terus dipelihara.

Pesanan itu amat bertepatan roh Ramadan menitikberatkan keinsafan, menyuburkan sifat pemurah dan belas kasihan kepada orang serba kekurangan lagi memerlukan bantuan.

Semua pihak berkepentingan sewajarnya memberi ruang kepada kerajaan meneruskan agenda pemulihan ekonomi dan mengatasi COVID-19 yang kembali meningkat meskipun proses penvaksinasi sudah bermula sejak 24 Februari lalu.

Kerajaan perlu memanfaatkan tempoh darurat berbaki untuk menyusun semula gerakan penvaksinasi agar kesihatan rakyat lebih terkawal dan ekonomi boleh dirangka lebih berstruktur.

Jawatankuasa Khas Bebas 2021 daripada pakar pelbagai bidang sudah pasti menimbang banyak faktor sebelum menyampaikan nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong mengenai kewujudan berterusan darurat besar atau penamatannya.

Rakyat mungkin tertanya-tanya bentuk laporan dan dapatan diperoleh sejak penubuhan Jawatankuasa Khas Bebas.

Di samping itu, kerajaan perlu mengambil kira tuntutan Ahli Parlimen untuk sidang diadakan setidak-tidaknya selepas 1 Ogos ini dalam tatacara sesuai jika tempoh darurat perlu dilanjutkan.

Jika lanjutan itu berlaku, ia tidak lagi berlandaskan pada budi bicara Yang di-Pertuan Agong semata-mata kerana baginda memperkenankan melalui Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021 untuk bertindak di atas nasihat.

Perkenan baginda untuk menerima nasihat Jawatankuasa Khas Bebas mencerminkan sikap tidak berpihak dan menafikan tohmahan kononnya pengaruh Perdana Menteri dalam perisytiharan darurat.